

TARIKH: 26/6/23  
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia  
MUKA SURAT: 9

UTUSAN MALAYSIA  
ISNIN • 26 JUN 2023

9

## Dalam Negeri

# Kerja 11 jam untuk dapat RM150

Oleh ARIF AIMAN ASROL  
dan MUHAMMAD SHAHZAM  
TAZALI  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** "Dahulu mahu peroleh RM150 mudah berbanding sekarang, walaupun bekerja dari 9 pagi sehingga 8 malam."

Malah, dalam kalangan penghantar makanan (*p-hailing*) berbut mendapatkan pesanan yang semakin sedikit untuk mencapai sasaran pendapatan harian.

Seorang penghantar makanan, Muhammad Amirul Abdullah, 25, berkata, pesanan semakin kurang kerana tindakan pelanggan yang berjimat dalam berbelanja.

Katanya, ia menyebabkan pekerja *p-hailing* perlu berebut pesanan, malah terpaksa menunggu di pinggir jalan selama hampir 30 minit hingga satu jam.

"Dahulu nak dapat RM150 pun boleh dikira mudah berbanding sekarang iaitu sekiranya mula dari 9 pagi dan 8 malam memang

sudah boleh dapat tetapi sekarang tidak begitu.

"Ada hari perlu tunggu berjam-jam untuk dapat pesanan, kami perlu berada di kawasan tertentu di waktu-waktu puncak seperti waktu makan tengah hari dari 11 pagi hingga 2 petang," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

*Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan, hampir semua peniaga di seluruh negara berdepan cabaran apabila jumlah pelanggan kedai makan merosot antara 30 hingga 60 peratus sejak beberapa bulan kebelakangan ini.

Tinjauan di Selangor, Pahang,

Johor dan Perlis mendapati ramai mengeluh dan mendakwa terpaksa mengurangkan kuantiti masakan bagi mengelakkkan kerugian.

Perkara itu dipercayai berpunca daripada sikap pelanggan yang mengambil langkah berjimat ketika berdepan kenaikan kos sara hidup.

Seorang pekerja *p-hailing* yang

enggan dikenali berkata, dia juga perlu bekerja melebihi lapan jam tanpa rehat untuk mendapatkan pendapatan yang disasarkan.

"Memang diaukui pesanan mak-in sedikit tetapi tak pasti sebab penghantar makanan semakin ramai atau masyarakat berjimat.

"Perkara ini menyebabkan ada antara kami terutama yang mempunyai komitmen besar dan berkeluarga bekerja sehingga lewat malam bagi mencapai sasaran pendapatan. Jadi tak boleh rehat, waktu pesanan sahaja boleh duduk tepi atau berjalan sekitar mencari pesanan," jelasnya.

Sementara itu di Melaka, seorang penghantar makanan, Muhammad Syakirin Marhalim, 27, berkata, adakalanya dia terpaksa menunggu sehingga satu jam untuk mendapatkan satu pesanan.

"Satu jam tunggu baru dapat satu pesanan, kadang-kadang langsung tiada," katanya.

Jelasnya, dia terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan

satu pesanan walaupun mendapat slot kerja di kawasan titik panas atau hotspot.

Katanya, pendapatan harian tidak lumayan seperti dahulu memandangkan pelanggan semakin berkira-kira ketika berbelanja.

"Satu jam satu pesanan, nak dapat pesanan seterusnya kena tunggu lagi satu atau dua jam. Dapat jadual atau tidak, keadaannya sama saja, tetap kena menunggu lama.

"Dulu kerja pagi hingga petang dah boleh dapat RM140 sehari tetapi sekarang hendak dapat RM100 pun sukar. Pesanan yang semakin perlahan ini berlaku sejak akhir tahun lalu, mungkin disebabkan kenaikan harga barang dan ramai penghantar makanan baharu.

"Selain itu, harga makanan pula ada yang tidak masuk akal contohnya nasi goreng biasa RM11, lagi mahal daripada set menu restoran makanan segera. Pelanggan kini mahukan harga mampu

milik dan sebab itu pesanan semakin berkurangan," katanya.

Dalam pada itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar Ayer Keroh di sini mendapati, ramai penghantar makanan masih menunggu pesanan meskipun telah masuk waktu puncak makan tengah hari.

Seorang lagi penghantar makanan, Azman Supardi, 50, berkata, trend perbelanjaan pelanggan boleh dilihat pada hujung bulan atau terdapat faktor lain yang mempengaruhi kuasa beli mereka.

Jelasnya, pelanggan akan berbelanja pada hari mereka mendapat gaji dan pesanan makanan ketika itu agak banyak berbanding hari biasa.

"Begitu juga semasa pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dibenarkan tahun lalu, tidak menang tangan dibuatnya, Bagaimanapun, jumlah pesanan semakin menurun sejak rakyat dihimpit kenaikan kos sara hidup," ujarnya.

**PAKEJ KUBAH HIJAU**

**1 BAS 1 MUTAWWIF**

**RM 7070**

**BILIK BERLIMA**

**HIT Asia EX KLIA 2**

**TARIKH PENERBANGAN 2023:**  
**Ogos: 05 & 12 | Sept: 09 & 16 | Okt: 07 & 21 | Nov: 04 & 11**

**PAKEJ TAIF RM280/ SEORANG**

**DEPOSIT : RM1000 VISA TOURIST**

**RM 380**

**KERETAPI LAJU MEKAH-MADINAH (SEHALA)**

**45 Cawangan Bagi Memudahkan Pendaftaran**

(Harga, tarikh, visa, jenis perbelanjaan & penginapan terakluk kepada perubahan)

**TERAM TRAVEL** **JOHOR BAHRU**  
Co. No. 081475-X (KPLN: 0751) UD142  
+607-224 4533  
+6019-714 9236

|  |   |
|--|---|
| KOTA TINGGI<br>07-8801212<br>(KPLN: 0751/15)   | GEMECH<br>06-4310179<br>(KPLN: 0751/30)           |
| TEMERLOH<br>09-2902829<br>(KPLN: 0751/31)  | IPOH<br>019-7355818<br>(KPLN: 0751/7)             |
| SUNGAI BESAR<br>012-7702190  | NILAI<br>06-7971654<br>(KPLN: 0751/45)            |
| RAWANG<br>03-60201079<br>(KPLN: 0751/23)   | MANJUNG<br>017-7104818<br>(KPLN: 0751/44)         |
| PUTRAJAYA<br>03-88617187<br>(KPLN: 0751/19)  | PONTIAN<br>07-6873877<br>(KPLN: 0751/37)          |
| RAUW<br>012-8155006<br>(KPLN: 0751/10)   | BANGI<br>03-89231654<br>(KPLN: 0751/28)           |
| SUNGAI BULOH<br>03-60398782<br>(KPLN: 0751/29)   | ALOR SETAR<br>013-6803060<br>(KPLN: 0751/18)      |
| KLUANG<br>07-7722656<br>(KPLN: 0751/10)  | TERENGGANU<br>09-6191066<br>(KPLN: 0751/16)       |
| TELUK INTAN<br>016-7094888<br>(KPLN: 0751/26)  | KLANG<br>03-33920200<br>(KPLN: 0751/36)           |
| TAWAU<br>012-8155006<br>(KPLN: 0751/27)  | SIMPANG<br>RELA<br>012-6017554<br>(KPLN: 0751/39) |
| GOMBAK<br>03-67308478<br>(KPLN: 0751/21)   | MELAKA<br>011-10054113<br>(KPLN: 4717)            |
| BATU PAHAT<br>07-4559697<br>(KPLN: 0751/13)  | PULAU PINANG<br>018-9797818<br>(KPLN: 0751/17)    |
| TANJUNG MALIM<br>019-9563818<br>(KPLN: 0751/25)  | GEORGETOWN<br>017-937818<br>(KPLN: 0751/43)       |
| ARAU<br>017-9726808<br>(KPLN: 0751/38)   | KUALA SELANGOR<br>018-7724180<br>(KPLN: 0751/32)  |
| KOTA BAHRU<br>09-644388<br>(KPLN: 0751/2)  | KUALA PETANI<br>019-3196116<br>(KPLN: 0751/18)    |
| KUALA LUMPUR<br>No. C3A-G,<br>Tingkat Bawah,<br>Blok C,<br>Jalan Selamat 1,<br>Dataran Palma,<br>68000 Ampang,<br>Selangor | GERIK<br>017-5064818<br>(KPLN: 0751/34)           |
| SENAWANG<br>06-6775150<br>(KPLN: 0751/41)  | PORT DICKSON<br>06-6473899<br>(KPLN: 0751/40)     |
| SEPANG<br>012-3736137<br>(KPLN: 0751/48)   | JOHOR BAHRU<br>+607-224 4533<br>+6019-714 9236    |